



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA Tel : 03-20984800
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, EXCHANGE SQUARE Fax : 03-20935722
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

PEKELILING MAJIKAN BIL 7/98

PEMBAYARAN SEMULA LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, SKIM ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DAN BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR 100%

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling Majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara-perkara berikut :-
- a) Pembayaran semula levi oleh majikan dalam industri yang disenaraikan di para 2.1;
 - b) Kadar bantuan kewangan bagi program-program latihan yang dijalankan di dalam negeri dinaikkan dari 75% - 80% kepada 100%.
 - c) Pelaksanaan Skim Analisis Keperluan Latihan bagi mengenalpasti keperluan latihan syarikat yang mempunyai 199 orang pekerja dan kurang.

2. Pembayaran Semula Levi Pembangunan Sumber Manusia

- 2.1 Pengecualian pembayaran levi mulai 12 Febuari 1998 akan berakhir pada 11 Ogos 1998. Berdasarkan kepada laporan Indeks Penegeluaran Perindustrian bulan Mei yang dikeluarkan pada 11 Julai 1998, laporan penyiasatan Jangkaan Perniagaan Syarikat-syarikat Berhad keluaran bulan April 1998, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan dan maklum balasdari persatuan industri tertentu, kerajaan telah mengkaji semula dan memutuskan bahawa industri-industri yang mencatatkan kenaikan indeks pengeluaran perindustrian atau hasil kasar serta yang tidak menghadapi masalah penurunan prestasi perniagaan perlu membayar semula levi mulai 12 Ogos 1998. Majikan-majikan yang kod majikan mereka yang bermula dengan tiga digit pertama seperti disenaraikan di bawah adalah perlu membayar semula levi mulai 12 Ogos 1998 :-
- i. Kod 314 - Tobacco Manufacturers;
 - ii. Kod 341 - Manufacturers of Paper & Paper Products;
 - iii. Kod 355 - Manufacturers of Rubber Products;
 - iv. Kod 356 - Manufacturers of Plastic Products;
 - v. Kod 383 - Electrical Machinery, Apparatus, Appliances/Electronics;
 - vi. Kod 720 - Telecommunication;
 - viii. Kod 720 Postal and Courier;
 - ix. Kod 713 - Air Transport; dan
 - x. Kod 712 - Shipping
- 2.2 Majikan selain daripada industri yang disenaraikan diperenggan 2.1 diatas adalah terus dikecualikan pembayarn levi untuk tempoh enam bulan lagi sehingga 11 Febuari 1999.

3. Bantuan Kewanagn Pada Kadar 100% Daripada Kos Latihan Yang Dibenarkan

- 3.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia dalam mesyuaratnya pada 16 Julai 1998 telah bersetuju menaikkan kadar bantuan kewangan untuk tempoh enam bulan berkuatkuasa mulai 7 Ogos 1998 daripada 75%- 80% kepada 100% ke atas kos latihan yang dibenarkan bagi semua bidang latihan kecuali latihan di luar negeri yang masih kekal pada kadar 50%. Oleh itu semua program latihan yang bermula/dijalankan pada atau selepas tarikh itu adalah berkelayakan mendapat bantuan kewangan pada kadar 100% daripada kos latihan yang dibenarkan. Bagi program-program latihan yang diluluskan sebelum tarikh kuatkuasanya kenaikan kadar bantuan kewangan ini, kadar bantuan kewangan yang baru akan diselaraskan apabila majikan mengemukakan tuntutan pembayaran balik geran latihan. Langkah ini adalah bertujuan menggalakkan majikan mempergiatkan lagi aktiviti melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam kegawatan ekonomi sekarang.

- 3.2 Program-program latihan yang dijalankan di bawah Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan (PERLA) adalah juga berkelayakan mendapat bantuan kewangan pada kadar 100%. Dengan demikian, majikan tidak perlu membayar baki yuran kepada penyedia latihan kerana 100% bayaran yuran akan dituntut oleh penyedia latihan daripada Majlis (tertakluk kepada baki levi majikan).
- 3.3 Majikan-majikan perusahaan kecil dan sederhana yang mendapat 50% bantuan kewangan daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) adalah juga berkelayakan menuntut 50 % lagi kos yuran daripada Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Sebelum ini majikan hanya layak menuntut 45% daripada yuran latihan yang dikenakan oleh penyedia latihan.
- 3.4 Majikan-majikan perusahaan kecil dan sederhana yang mendapat 50 % bantuan kewangan daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) adalah juga berkelayakan menuntut 50% lagi kos yuran daripada Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Sebelum ini majikan hanya layak menuntut 45% daripada yuran latihan yang dikenakan oleh penyedia latihan.
- 3.5 Kadar bantuan kewangan bagi pembelian alat bantuan latihan dan penyediaan bilik latihan, pembelian komputer peribadi dan juga pembelian serta membangunkan perisian komputer latihan adalah tidak berubah dan kekal pada kadar sekarang.

4. Skim Analisis Keperluan Latihan Bagi Perusahaan Kecil Dan Sederhana

- 4.1 Menyedari hakikat bahawa analisis keperluan latihan merupakan faktor penting untuk menentukan keberkesanan sesuatu program latihan, Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah menyediakan dana sebanyak RM5 juta untuk membayar perkhidmatan juruperunding latihan yang dilantik bagi menjalankan kerja analisis keperluan latihan kepada majikan kecil dan sederhana yang mempunyai pekerja seramai 199 orang dan kurang. Majlis sedang dalam proses melantik juruperunding yang berkelayakan untuk menjalankan perkhidmatan tersebut. Yuran perkhidmatan juruperunding akan dibayar sepenuhnya oleh Majlis supaya baki levi yang masih ada boleh digunakan sepenuhnya untuk latihan semula pekerja.
- 4.2 Tujuan skim ini adalah untuk membantu majikan berkenaan mengenalpasti keperluan latihan mereka supaya latihan yang dijalankan mendapat faedah khususnya dari segi peningkatan kualiti, produktiviti dan penggunaan teknologi baru yang boleh membantu majikan berdaya saing dan berdaya maju. Adalah diharapkan majikan terlibat akan menerima dengan baik perkhidmatan yang diberikan ini agar latihan yang dijalankan memberi kesan positif kepada pelan perniagaan mereka.
- 4.3 Senarai juruperunding akan diumumkan setelah proses perlantikannya selesai.

5 Kadar Bantuan Kewangan Bagi Skim Jurupelan

- 5.1 Bagi majikan yang mempunyai 200 orang pekerja dan ke atas, kadar bantuan kewangan di bawah Skim Jurupelan telah dinaikkan kepada kadar 80% berkuatkuasa mulai 7 Ogos 1998. Pada masa ini kadar bantuan kewangan di bawah Skim Jurupelan adalah berdasarkan kepada saiz majikan iaitu 70% bagi majikan yang mempunyai pekerja antara 10-199 orang, 65% bagi majikan yang mempunyai pekerja antara 200-299 orang, 60% bagi majikan yang mempunyai pekerja antara 300-399 orang, 55% bagi majikan yang mempunyai pekerja antara 400-499 orang, 50% bagi majikan yang mempunyai pekerja antara 500 orang dan lebih.

5.2 Adalah diharapkan majikan berkenaan akan menggunakan kemudahan ini untuk membuat pelan latihan tahunan mereka dan seterusnya mengemukakan permohonan geran latihan di bawah Skim Pelan Latihan Tahunan (PLT).

6. Penutup

Adalah diharapkan majikan akan menpergiatkan lagi aktiviti melatih semula, meningkatkan kemahiran pekerja dan menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Latihan semula pekerja akan memantapkan lagi operasi majikan khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan penggunaan teknologi baru yang akan membantu majikan mencapai matlamat pelan perniagaan mereka.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia